

Apa Nak Jadi Dengan Remaja Kita?

Oleh ROSHAYATI HASSAN

GEJALA samseng, jenayah dan keruntuhan akhlak di kalangan remaja bukanlah sesuatu yang asing tetapi perkara ini semakin berleluasa dan semakin membimbangkan. Ibarat barah yang tidak diubati dari awal dan sudah kini fenomena ini sudah hampir ke tahap yang membimbangkan.

Hal anak-anak kecil di sekolah yang berani mencuri dan membuli rakan lain sudah lama diketahui, namun disebabkan perlakuannya tidak dibendung, masalah sosial ini menjadi semakin buruk. Kini sudah ada di kalangan remaja yang sanggup membunuh sahabat sendiri.

Kita dapat lihat di dada-dada akhbar saban hari membicarakan pelbagai kes yang melibatkan remaja. Masalah sosial remaja ini bukan sahaja melibatkan pelajar lelaki, malah remaja perempuan juga sudah mula menunjukkan taring mereka.

Lumba haram, mengambil dadah, minum arak, merokok dan seks bebas merupakan antara aktiviti yang sering mereka lakukan. Menurut satu kajian yang dilakukan pada tahun 1999 tahun menunjukkan nisbah pelajar perempuan yang merokok berbanding dengan pelajar lelaki adalah 1:4. Jika kita lihat tiga tahun sebelum itu; 1995, nisbahnya ialah 1:6. Hal ini jelas menunjukkan trend meningkat. Dalam tempoh 3 tahun itu, setiap hari dianggarkan kira-kira 50 orang remaja perempuan memulakan tabiat merokok.

Cuba renungkan sejenak tentang kedudukan nisbah ini setelah lima tahun berlalu. Mungkin anggaran nisbah pelajar perempuan yang merokok berbanding pelajar lelaki sudah menjangkau kepada 1:2.

Kita perlu muhasabah diri, merenung kembali kenapa semua ini terjadi ketika negara giat menuju matlamat menjadi sebuah negara maju. Jangan sampai cita-cita suci ini dipalit dengan unsur negatif seperti ini.

Semua pihak perlu memainkan peranan untuk menangani masalah ini. Usah dibiarkan masalah ini terus memburukkan dan merosakkan masyarakat kita.

Kehidupan seks bebas, gejala mat motor, ketagihan dadah, masalah jenayah, dan kejahatan yang terjadi kebelakangan ini adalah hal yang perlu diketahui oleh para remaja agar mereka sedar bahawa mereka sekarang sudah jauh tersimpang daripada norma-norma moral yang sebenar.

Remaja sekarang perlu sedar akan perlunya sikap tanggungjawab terhadap diri mereka dan orang di sekeliling mereka, demi masa depan yang bakal mereka tempuhi.

“Demi masa, manusia itu dalam kerugian, melainkan mereka yang beriman dan beramal soleh, serta berpesan-pesan dengan kebenaran dan berpesan-pesan dengan kesabaran.”



Sesungguhnya kajian yang dilakukan oleh beberapa pihak termasuk kementerian tertentu dan pusat pengajian tinggi telah mengenal pasti pelbagai punca yang menyebabkan berlakunya keruntuhan akhlak di kalangan remaja hari ini. Kurangnya kawalan daripada ibu bapa terhadap anak-anak merupakan salah satu faktor penyumbang utama. Ibu bapa masa kini lebih dilihat lebih banyak menghabiskan masa mereka dengan kerjaya dan tidak ada ruang bagi mereka mendidik anak-anak mereka.

Sikap masyarakat yang kurang sensitif terhadap pelbagai gejala keruntuhan moral para remaja serta bersifat pentingkan diri

sendiri turut menyumbang kepada penularan pelbagai masalah sosial di kalangan remaja pada masa kini.

Sementara itu, pengaruh media massa dan elektronik juga memainkan peranan yang besar dalam mempengaruhi anak-anak remaja dengan masalah sosial ini. Lihat sahaja siaran televisyen hari ini yang menentangkan pelbagai cerita yang membawa unsur negatif seperti seks dan keganasan sehingga mempengaruhi perlakuan remaja. Ditambah dengan majalah-majalah hiburan dan bahan bacaan lain yang semakin 'menonjol'. Cara berpakaian dan aksi yang dipaparkan banyak yang jelas menyimpang daripada nilai-nilai Islam dan cara hidup masyarakat timur.

Bukan sahaja agama Islam, malah agama-agama lain termasuk Hindu, Budha dan Kristian amat menitik beratkan soal akhlak. Gejala sosial yang berlaku kini berpunca daripada akhlak dan kesedaran sivik yang semakin tipis di kalangan remaja.

Usaha kerajaan mengadakan program khidmat negara kepada para remaja dengan tujuan mengelakkan mereka terlibat dengan gejala-gejala yang tidak sepatutnya merupakan satu usaha yang sangat baik. Namun, usaha itu akan menjadi lebih baik jika diselitikan dengan program-program keagamaan, kerana penting bagi kita untuk menetapkan hati dan mendekatkan mereka dengan Yang Maha Pencipta dan Yang Maha Kuasa. Firman Allah S.W.T dalam *Surah Ali Imran*, ayat 102 yang bermaksud:

“Wahai orang-orang yang beriman, bertakwalah kamu kepada Allah dengan sebenar-benar takwa dan janganlah kamu mati melainkan dengan keadaan Islam.”

Tidak sempurna iman seseorang melainkan dengan ilmu dan keindahan ilmu itu adalah melalui akhlak. Orang yang cukup didikan agama, dan berakhlak baik dapat menjadi benteng dalam diri mereka daripada terlibat dengan perkara-perkara yang melanggar syariat agama.

“Demi masa, manusia itu dalam kerugian, melainkan mereka yang beriman dan beramal soleh, serta berpesan-pesan dengan kebenaran dan berpesan-pesan dengan kesabaran.”

Semua pihak perlu berganding bahu untuk mengatasi masalah ini, tidak kira bangsa dan agama, dari golongan remaja hinggalah ke peringkat tertinggi perlu memainkan peranan masing-masing untuk memastikan negara terus maju dengan tidak melupakan nilai-nilai murni. 